

# Ismail Sabri tak pertahan jawatan Naib Presiden

Bekas PM akui tidak hantar borang pencalonan pada hari terakhir

Oleh Suzalina Halid  
suzalina@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, mengesahkan tidak mempertahankan jawatan Naib Presiden UMNO pada pemilihan parti bulan depan.

Mengesahkannya menerusi mesej ringkas kepada *BH* semalam, Ahli Parlimen Bera itu mengakui tidak menghantar borang pencalonan pada hari terakhir untuk berbuat demikian.

"Betul (tidak pertahan jawatan). Tutup pencalonan jam 5 (petang), saya belum hantar (borang)," katanya.

Beliau bagaimanapun eng-

gan mengulas lanjut berhubung keputusan melepaskan jawatan yang disandang sejak 2018 itu.

Pencalonan bagi merebut semua jawatan dalam UMNO kecuali Presiden dan Timbalan Presiden yang dibuka sejak 1 Februari lalu, ditutup tepat jam 5 petang semalam.

Setakat semalam, lapan pemimpin parti borang pencalonan untuk bertanding jawatan Naib Presiden UMNO, termasuk dua penyandang iaitu Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dan Datuk Seri Mahdzir Khalid.

Enam pemimpin lain turut bertanding bagi memenuhi tiga kerusi itu ialah Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail dan Setiausaha Agung Barisan Nasional (BN) yang juga Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Zambry Abdul Kadir.

Turut menghantar borang pencalonan ialah bekas Menteri

Besar Johor, Datuk Hasni Mohammad; Ahli Majlis Kerja Tertinggi (MKT) UMNO, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican dan Ahli Parlimen Titiwangsa, Datuk Seri Johari Abdul Ghani.

Kerusi Naib Presiden UMNO turut diintai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Pembaharuan Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said, iaitu calon wanita tunggal bertanding kedudukan berkenaan.

Perhimpunan Agung UMNO 2022 (PAU 2022) sebelum ini meluluskan usul dua jawatan tertinggi

partinya, iaitu Presiden dan Timbalan Presiden tidak dipertandingkan pada pemilihan parti kelak, walaupun ada desakan beberapa badan perhubungan negeri supaya pertandingan diadakan.

Usul tambahan itu dikemukakan wakil UMNO Bahagian

Rembau, Mohd Shukri Shamsudin dan diluluskan melalui undian suara sebelum sesi pengguling perbincangan dimulakan.

Kelulusan pengundian usul itu yang dilakukan secara tertutup di Dewan Merdeka, diumumkan Pengerusi Tetap UMNO, Tan Sri Badruddin Amiruddin selaras Fasal 30 Perlembagaan UMNO dan Perkara 10 Peraturan Persidangan.

Mesyuarat perwakilan dan Pemilihan Jawatankuasa UMNO Bahagian bersama Pemilihan Ahli MKT UMNO akan diadakan serentak di seluruh negara pada 18 Mac depan.

UMNO pertama kali menangguhkan pemilihannya yang sepatutnya diadakan pada 2021 sehingga tempoh 18 bulan berakhir Disember 2022.

Namun, akhir tahun lalu, UMNO meminda Fasal 10.16 perlembagaannya dan membenarkan penangguhan sekali lagi pemilihan iaitu enam bulan selepas pilihan raya.

Tarikh akhir pemilihan UMNO terkini adalah pada 19 Mei ini.



Ismail Sabri Yaakob